

Rujukan kami : UTM.J.08.01/12.23/1/1 Jld. 123 (27)
Tarikh : 30 Oktober 2024

Prof. Dr. Amrifan Saladin Mohruni
Fakultas Teknik
Universitas Sriwijaya

YBrs. Prof.,

**PELANTIKAN SEBAGAI PROFESOR ADJUNG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah bersetuju melantik YBrs. Prof. seperti ketetapan berikut:

Keterangan	Perincian
Skim Pelantikan :	Profesor Adjung
Penempatan :	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UTM Johor Bahru
Tempoh Lantikan :	1 November 2024 - 1 November 2026 (2 tahun)
Syarat Perkhidmatan :	Sila Rujuk Lampiran A

3. Sehubungan dengan itu, YBrs. Prof. dimohon untuk mengembalikan Borang Maklum Balas seperti di **Lampiran B** dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh surat ini dikemukakan.

4. Semoga menerusi pelantikan ini YBrs. Prof. dapat menyumbangkan idea, kepakaran dan pengalaman dengan penuh dedikasi untuk memperkasakan Universiti.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DATUK IR. TS. DR. AHMAD FAUZI BIN ISMAIL)
Naib Canselor

s.k. - Prof. Dr. Mohd Shafry bin Mohd Rahim
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

UTM.J.08.01/12.23/1/1 Jld. 123 (27)

**SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN
PROFESOR ADJUNG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**

1. **Tempoh** : Tempoh perkhidmatan ialah untuk tempoh **dua puluh empat bulan (24 bulan)**. Walau bagaimanapun, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) boleh menyambung perkhidmatan pegawai dari semasa ke semasa tertakluk kepada keperluan.
2. **Pemberhentian Perkhidmatan** : UTM pada bila-bila masa boleh memberhentikan perkhidmatan pegawai dengan memberi sebulan notis secara bertulis dan begitu juga pegawai boleh bila-bila masa berhenti dari perkhidmatan dengan memberi sebulan notis kepada UTM.
3. **Rawatan Perubatan** : Dalam tempoh perkhidmatan, pegawai layak menerima kemudahan perubatan (kecuali rawatan gigi) di Pusat Kesihatan UTM tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dari semasa ke semasa. Tiada bayaran balik dibuat sekiranya memilih untuk dirawat di pusat perubatan swasta.
4. **Gelaran Jawatan / Penggunaan** : Pegawai tidak boleh menggunakan gelaran Profesor dalam surat rasmi atau di pangkal nama. Walau bagaimanapun, gelaran Profesor Adjung boleh diletakkan di hujung nama pegawai dan hanya boleh digunakan semasa tempoh lantikan, semasa majlis dan aktiviti yang merupakan sebahagian daripada sumbangannya terhadap universiti dan juga hal-hal rasmi serta penghormatan di universiti tertentu dengan kebenaran universiti yang melantiknya.
5. **Tanggungjawab** : Pegawai pada setiap masa adalah tertakluk kepada Akta Universiti Teknologi Malaysia dan Kolej Universiti Teknologi Malaysia 1971, Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia 1976, Kaedah-kaedah UTM (Tatatertib Staf) 1979, Statut, Akta, Peraturan, Pekeliling dan lain-lain peraturan yang berkuat kuasa di Universiti Teknologi Malaysia.

**JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**